



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**21 DISEMBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 156 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 238,824 kes. Sebanyak dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di Kota Kinabalu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 280 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 230,666 orang. Manakala 800 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 422 orang di hospital, 371 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, enam (6) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 42 orang merangkumi 39 di ICU/repurposed kritikal care serta tiga (3) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 11 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat (4)* dan *lima (5)* yang masih belum lengkap vaksin ialah 23 (21.50%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Pitas berubah dari zon merah ke zon jingga manakala daerah Lahad Datu dan Beluran berubah dari zon jingga ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning enam (6) daerah.
- Zon Jingga lima (5) daerah.
- Zon Merah 16 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Lebih banyak daerah di Sabah mencatatkan pertambahan kes baharu hari ini walaupun dalam jumlah yang kecil. Jumlah harian naik 34 kes berbanding kelmarin kepada 156 kes.
- b. Kota Kinabalu kembali merekodkan jumlah kes yang tertinggi di Sabah dengan 28 kes, naik 9 kes berbanding sebelumnya. Ini diikuti oleh Penampang dengan 19 kes (+14), Tuaran 18 kes (+2), Kota Belud 15 kes (-4), Sandakan 13 kes (+12) dan Papar 11 kes (+8). Semua daerah lain mencatatkan kes baharu satu angka termasuk sembilan (9) daerah yang masing-masing dengan satu (1) kes sahaja. Daerah Keningau, Pitas dan Kalabakan tidak mencatat sebarang kes baharu.
- c. Daripada 156 kes baharu hari ini, 150 kes adalah dalam Kategori 1 dan 2, tiga (3) kes dalam Kategori 3, tidak ada pesakit dalam Kategori 4 dan seorang pesakit dalam Kategori 5. Dua (2) kes lain masih dalam penilaian lanjut JKNS.
- d. Berdasarkan kepada statistik kes harian pada 20 Disember 2021, jangkaan kadar kebolehhajangan COVID-19 atau R0/RT bagi seluruh negara ialah 0.91, dan bagi negeri Sabah, 0.84.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (71) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	2	1.28%
2	Bergejala	65	41.67%
3	Kontak	71	45.51%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	18	11.53%
<b>JUMLAH</b>		<b>156</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (20 Disember 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 20/12/2021	Catatan Kes 21/12/2021	Perbandingan
1	Penampang	5	19	+14
2	Sandakan	1	13	+12
3	Kota Kinabalu	19	28	+9
4	Papar	3	11	+8
5	Sipitang	0	7	+7
6	Kota Marudu	2	8	+6
7	Tuaran	16	18	+2
8	Putatan	5	7	+2
9	Semporna	0	2	+2
10	Beaufort	1	2	+1
11	Kunak	0	1	+1
12	Kudat	0	1	+1
13	Tongod	0	1	+1
14	Nabawan	0	1	+1
15	Lahad Datu	0	1	+1
16	Beluran	0	1	+1
17	Kuala Penyu	2	2	Mendatar
18	Telupid	1	1	Mendatar
19	Ranau	21	7	-14
20	Keningau	6	0	-6
21	Kota Belud	19	15	-4
22	Tawau	4	1	-3
23	Pitas	3	0	-3
24	Tambunan	7	5	-2
25	Kinabatangan	2	1	-1
26	Kalabakan	1	0	-1
27	Tenom	4	3	-1
<b>JUMLAH</b>		122	156	<b>+34</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (07 Disember – 20 Disember)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	1	13	11	0	3	28	544
Penampang	0	13	6	0	0	19	254
Tuaran	0	7	9	0	2	18	400
Kota Belud	0	11	4	0	0	15	239
Sandakan	1	6	4	0	2	13	124
Papar	0	6	3	0	2	11	207
Kota Marudu	0	4	4	0	0	8	82
Ranau	0	4	0	0	3	7	256
Putatan	0	0	4	0	3	7	142
Sipitang	0	0	6	0	1	7	40
Tambunan	0	4	1	0	0	5	59
Tenom	0	1	1	0	1	3	122
Kuala Penyu	0	0	2	0	0	2	82
Beaufort	0	0	2	0	0	2	98
Semporna	0	2	0	0	0	2	11
Tawau	0	0	1	0	0	1	47
Kinabatangan	0	0	1	0	0	1	29
Telupid	0	0	1	0	0	1	24
Lahad Datu	0	0	0	0	1	1	20
Beluran	0	0	1	0	0	1	19
Kudat	0	0	1	0	0	1	47
Tongod	0	0	1	0	0	1	14
Nabawan	0	0	1	0	0	1	22
Kunak	0	0	1	0	0	1	5
Keningau	0	0	0	0	0	0	106
Pitas	0	0	0	0	0	0	32
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	7
<b>JUMLAH</b>	<b>2</b>	<b>71</b>	<b>65</b>	<b>0</b>	<b>18</b>	<b>156</b>	<b>3,032</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Puncak Ilmu	1
Sandakan	Kluster Sungai Batang	1
<b>Jumlah</b>		<b>2</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,216 unit

- Hospital 1,329 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,697 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 18.98%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 21 DISEMBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	150
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	6
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
<b>Jumlah</b>	<b>156</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Arab Saudi	6
<b>Jumlah</b>	<b>6</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	153
Bukan Malaysia	3
<b>Jumlah</b>	<b>156</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	23
Belum Menerima Vaksin	10
Menerima 1 Dos	2
Lengkap 2 Dos	111
Dos Penggalak	10
<b>Jumlah</b>	<b>156</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	1
1 to 5	10
6 to 11	12
12 to 17	10
18 to 25	21
26 to 59	80
>60	22
<b>Jumlah</b>	<b>156</b>



## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 20 Disember 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,165 orang. Daripada jumlah ini, seramai 3,023 orang adalah penduduk dewasa dan 142 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 20 Disember 2021 adalah seramai 2,446,953 orang. Ini meliputi 2,111,209 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.54% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,400,306 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,089,944 orang atau 75.77% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 335,744 orang atau 77.36% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 310,362 atau 71.51% orang setakat ini.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **679,843** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,791 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 52 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 153 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 51 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 976 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Sebanyak tiga (3) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Tawau.
  - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 542 premis perniagaan dan 834 individu di 18 kawasan. Tujuh (7) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Hong Wai Paint Tradings Sdn. Bhd. (1 Orang), Restoran Ser Li Xiang (1 Orang), 360 Chicken Rice (1 Orang), Automation and Control System Sdn. Bhd. (1 Orang), Abid Mini Mart (1 Orang), Pak Mund Laksa (1 Orang) dan Mum's Convi Mart (1 Orang) Inanam Capital. Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 269 Premis Perniagaan melibatkan 159 anggota APM. Satu (1) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 25 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 85 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kunak	98.9%
2	Keningau	98.7%
3	Beluran	98.7%
4	Kinabatangan	98.7%
5	Kudat	98.6%
6	Tenom	98.6%
7	Kota Marudu	98.5%
8	Sipitang	98.5%
9	Beaufort	98.4%
10	Semporna	98.4%
11	Lahad Datu	98.4%
12	Sandakan	98.4%
13	Kota Belud	98.3%
14	Kota Kinabalu	98.3%
15	Tawau	98.3%
16	Tuaran	98.3%
17	Penampang	98.1%
18	Papar	98.1%
19	Ranau	98%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**